
BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Mac 2018

Inflasi kekal rendah

Sumbangan kepada Inflasi




Sumber: Jabatan Perangkaaan Malaysia dan anggaran staf

- Pada bulan Mac, inflasi keseluruhan berada pada 1.3% (Februari: 1.4%).
  - Inflasi dalam kategori *pengangkutan* menurun kepada -1.5% (Februari : -0.3%) disebabkan oleh penurunan harga purata bahan api domestik pada bulan itu.
  - Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* semakin rendah pada 2.8% pada bulan Mac (Februari: 3.0%), disebabkan terutamanya oleh bekalan *makanan laut segar* yang lebih tinggi.

Rizab antarabangsa meningkat

Rizab Antarabangsa Malaysia




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Rizab antarabangsa meningkat kepada USD110.0 bilion pada13 April 2018.
- Kedudukan rizab itu adalah mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Jumlah rizab ini memadai untuk membiayai 7.7 bulan import tertangguh. Jumlah ini jauh lebih tinggi daripada tahap ambang antarabangsa 3 bulan, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul
Sumber: Bank Negara Malaysia


- Pada bulan Mac, pertumbuhan pembiayaan bersih[1] lebih sederhana pada 6.8% (Februari: 7.4%). Terbitan bon korporat terkumpul bersih juga sederhana pada 14.2% (Februari: 16.4%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan mampan pada 4.4% (Februari: 4.5%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan bulan Mac stabil pada 1.9% (Februari: 2.0%). Khususnya, pinjaman kepada PKS meningkat 5.8% (Februari: 5.4%).
- Pinjaman isi rumah kekal pada kadar 5.6% (Februari: 5.6%).

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Mac 2018

Pasaran kewangan domestik menerima kesan daripada keadaan global yang tidak menentu

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Mac




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Mac, prestasi pasaran kewangan domestik terus positif berikutan berkurangnya kebimbangan terhadap ketidakpastian mengenai dasar monetari Amerika Syarikat (AS) dan ketegangan perdagangan AS-RR China. Ketidakpastian mengenai kadar kenaikan kadar faedah AS pada tahun 2018 berkurang disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih perlahan di AS dan penerusan langkah oleh Federal Reserve untuk mengembalikan semula dasar monetari ke paras yang wajar mengikut jangkaan.
- Ringgit menambah nilai 1.6% dan kadar hasil MGS 5 tahun turun 8.1 mata asas berikutan aliran masuk bukan pemastautin. FBM KLCI juga meningkat 0.4% kepada 1863.5 mata.
- Jumah swap FX meningkat sebanyak USD17.9 bilion kepada USD120.9 bilion disebabkan terutamanya oleh aktiviti swap antara bank yang semakin bertambah, sejajar dengan peningkatan permintaan pengimport dan syarikat korporat terhadap dolar pada akhir suku tersebut. Hal ini menyebabkan kos pendanaan dolar tersirat melalui swap FX meningkat sebanyak 2 mata asas kepada 2.31% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Februari: 2.29%) dan mata swap USD/MYR 1 bulan purata kemudiannya menurun sebanyak 3 mata kepada 40 mata (Februari: 43 mata).

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Sistem Perbankan: Kualiti Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Tahap pinjaman terjejas daripada jumlah pinjaman bersih naik sedikit kepada 0.99% selepas ditolak peruntukan jejas nilai individu (Februari: 0.94%).
- Sejak Januari 2018, jumlah peruntukan sistem perbankan meningkat berikutan langkah institusi perbankan mengubah metodologi pengiraan anggaran peruntukan jejas nilai susulan pelaksanaan MFRS 9.
- Nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman kekal pada 1.5%. (Februari: 1.5%)

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 04/18/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Isnin, 30 April 2018

SOROTAN BULANAN – MAC 2018

Inflasi kekal rendah

- Pada bulan Mac, inflasi keseluruhan berada pada 1.3% (Februari: 1.4%).
  - Inflasi dalam kategori *pengangkutan* menurun kepada -1.5% (Februari: -0.3%) disebabkan oleh penurunan harga purata bahan api domestik pada bulan itu.
  - Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* semakin rendah pada 2.8% pada bulan Mac (Februari: 3.0%), disebabkan terutamanya oleh bekalan *makanan laut segar* yang lebih tinggi.

Rizab antarabangsa meningkat

- Rizab antarabangsa meningkat kepada USD110.0 bilion pada13 April 2018.
- Kedudukan rizab itu adalah mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Jumlah rizab ini memadai untuk membiayai 7.7 bulan import tertangguh. Jumlah ini jauh lebih tinggi daripada tahap ambang antarabangsa 3 bulan, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pada bulan Mac, pertumbuhan pembiayaan bersih[1] lebih sederhana pada 6.8% (Februari: 7.4%). Terbitan bon korporat terkumpul bersih juga sederhana pada 14.2% (Februari: 16.4%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan mampan pada 4.4% (Februari: 4.5%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan bulan Mac stabil pada 1.9% (Februari: 2.0%). Khususnya, pinjaman kepada PKS meningkat 5.8% (Februari: 5.4%).
- Pinjaman isi rumah kekal pada kadar 5.6% (Februari: 5.6%).

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul

Pasaran kewangan domestik menerima kesan daripada keadaan global yang tidak menentu

- Pada bulan Mac, prestasi pasaran kewangan domestik terus positif berikutan berkurangnya kebimbangan terhadap ketidakpastian mengenai dasar monetari Amerika Syarikat (AS) dan ketegangan perdagangan AS-RR China. Ketidakpastian mengenai kadar kenaikan kadar faedah AS pada tahun 2018 berkurang disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih perlahan di AS dan penerusan langkah oleh Federal Reserve untuk mengembalikan semula dasar monetari ke paras yang wajar mengikut jangkaan.
- Ringgit menambah nilai 1.6% dan kadar hasil MGS 5 tahun turun 8.1 mata asas berikutan aliran masuk bukan pemastautin. FBM KLCI juga meningkat 0.4% kepada 1863.5 mata.
- Jumah swap FX meningkat sebanyak USD17.9 bilion kepada USD120.9 bilion disebabkan terutamanya oleh aktiviti swap antara bank yang semakin bertambah, sejajar dengan peningkatan permintaan pengimport dan syarikat korporat terhadap dolar pada akhir suku tersebut. Hal ini menyebabkan kos pendanaan dolar tersirat melalui swap FX meningkat sebanyak 2 mata asas kepada 2.31% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Februari: 2.29%) dan mata swap USD/MYR 1 bulan purata kemudiannya menurun sebanyak 3 mata kepada 40 mata (Februari: 43 mata).

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

- Tahap pinjaman terjejas daripada jumlah pinjaman bersih naik sedikit kepada 0.99% selepas ditolak peruntukan jejas nilai individu (Februari: 0.94%).
- Sejak Januari 2018, jumlah peruntukan sistem perbankan meningkat berikutan langkah institusi perbankan mengubah metodologi pengiraan anggaran peruntukan jejas nilai susulan pelaksanaan MFRS 9.
- Nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman kekal pada 1.5%. (Februari: 1.5%)

Bank Negara Malaysia
30 April 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my